

19 MAY 2003

Abdullah-Kemboja (Perdagangan)/I

PERDAGANGAN DUA HALA M'SIA-KEMBOJA BOLEH DITINGKATKAN

PUTRAJAYA, 19 Mei (Bernama) -- Malaysia dan Kemboja perlu meneroka mekanisme menjalankan perniagaan yang lebih kondusif bagi meningkatkan lagi kuantiti perdagangan antara kedua-dua negara, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Timbalan Perdana Menteri berkata langkah itu juga secara tidak langsung dapat membantu menangani sebarang masalah di kalangan ahli-ahli perniagaan Malaysia yang melabur dan berdagang di negara itu.

Walaupun perdagangan dua hala antara kedua-dua negara berjumlah hanya RM283.7 juta pada 2002, Kemboja kekal sebagai rakan kongsi dagangan penting bagi Malaysia, katanya semasa berucap pada majlis jamuan malam meraikan rakan sejawatannya dari Kemboja Sar Kheng di sini, malam ini.

Timbalan Perdana Menteri Kemboja itu dalam rangka lawatan tiga hari ke Malaysia.

Abdullah berkata perdagangan itu dijangka meningkat dengan ketara bagi tempoh beberapa tahun akan datang manakala Malaysia pula kekal sebagai antara pelabur terbesar di Kemboja dengan lebih 40 syarikat Malaysia kini beroperasi dalam pembangunan hartanah, perhutanan dan perbankan di negara itu.

Dengan berlatarbelakangkan sedemikian, "adalah mustahak bagi kedua-dua kerajaan untuk menyediakan persekitaran yang perlu bagi membolehkan sektor swasta terus memanfaatkan potensi perniagaan di kedua-dua negara," katanya.

Abdullah berkata hubungan mesra antara kedua-dua negara dirapatkan lagi dengan lawatan Yang di-Pertuan Agong ke Phnom Penh pada Disember tahun lepas dan kehadiran Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Sidang Kemuncak ASEAN Ke-Lapan di Phnom Penh pada November 2002.

Beliau berkata Malaysia telah mengembangkan bantuan teknikalnya di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP) ke Kemboja dengan setakat ini, 296 pegawai dari Kemboja menghadiri kursus jangka panjang dan pendek dalam pelbagai bidang.

Timbalan Perdana Menteri juga memuji wawasan jangka panjang kerajaan Diraja Kemboja untuk membangunkan Kemboja sebagai negara yang bebas daripada belunggu kemiskinan, penyakit dan buta huruf.

Dengan keamanan dan keselamatan global yang semakin tercabar ekoran ancaman keganasan dan kecenderungan untuk bertindak di luar rangka kerja multilateralisme, beliau berkata masyarakat antarabangsa perlu meningkatkan kerjasama dan bertindak sepakat dalam menangani masalah-masalah itu kerana ia boleh membantutkan kemajuan ekonomi.

Bagi Malaysia pula, Abdullah berkata kerajaan telah menubuhkan Pusat Serantau Asia Tenggara untuk Menangani Keganasan dengan sasaran menganjurkan kursus, latihan, seminar, bengkel kerja dan kegiatan berkaitan usaha memerangi keganasan serta melatih dan meningkatkan keupayaan peserta dari dalam dan luar negara dalam pelbagai bidang berkaitan usaha itu.

Beliau berkata Malaysia telah mempelawa negara-negara ASEAN dan pegawai-pegawai Kemboja khususnya untuk menyertai kursus di pusat itu serta kursus anjuran MTCP untuk berkongsi pengalaman dalam memerangi kegiatan jenayah terancang merentasi sempadan.

-- BERNAMA

MR FR ZK NAK